

Fitnah Besar yang Wajib Dihapuskan

Di dalam dua majalah Qalam bilangan 214 dan 215 yang lalu kita telah menyiarkan dua makalah yang berjudul “Adakah Qur’an baru” dan “Seruan Terbuka” mengenai terbitnya “Qur’an Moden” yang menyalahi susunan “Al-Muṣḥaf Al-‘Uthmānī” yang mana kedua-dua makalah tersebut telah kita terjemahkan dari majalah “al-Waie al-Islami” bilangan (40).

Gema kedua-dua makalah tersebut telah menggegarkan jiwa dan perasaan para alim-ulama di seantero dunia Islam, menjadi suatu perbincangan hangat di kalangan penulis-penulis Islam di ruangan akhbar, radio dan telebisyen ... di majalah Qalam bilangan ini kita siarkan pula suatu makalah terjemahan mengenai ‘al-Qur’ān Moden’ itu yang ditulis oleh Faḍīlah al-Sheikh Abdul Hamid al-Saeh – Menteri Waqaf Jordan – Pengarang.

(Terjemahan Abdul Aziz al-Murshidi)

Kata al-Sheikh Abdul Hamid al-Saeh

memulakan tulisannya:

Saya telah membaca di dalam majalah “al-Waie al-Islami” bilangan (40) keluaran bulan Rabi’ al-Akhir 1388 H - Jun 1968 M, sebuah “Seruan Penting” yang ditulis oleh al-Sheikh Nadim al-Jisr – Mufti Utara Lubnan - mengenai penerbitan “Qur’an baru”. Saya – sebagai seorang Muslim – merasa berkewajipan pula menulis makalah ini, demi untuk membela kemuliaan kitab suci Islam dan menghindarkan seluruh saudara-saudara saya kaum Muslimin daripada sebarang fitnah.

Al-Qur’an al-Karim adalah diturunkan kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan sebab berlakunya sesuatu peperangan atau sesuatu kejadian atau pun sesuatu hajat yang diperlukan oleh manusia. Ketika satu-satu ayat atau pun beberapa ayat diturunkan Tuhan, maka Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* menyuruh para sahabatnya meletakkan (menyusun) satu-satu ayat atau beberapa ayat yang telah diturunkan itu pada tempat-tempat yang telah ditentukan di dalam sesuatu

surah – sebagaimana yang telah diterangkan di dalam hadith-hadith sahih. – Di dalam sembahyang-sembahyang malam Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* membaca surah-surah yang panjang seperti *Sūrah al-Baqarah, Āli ‘Imrān* dan lain-lainnya dengan suara yang nyaring supaya didengar oleh para Sahabat dengan susunan-susunan ayat-ayat yang tertulis di dalam al-Muṣḥaf al-Sharīf (al-Qur’an al-Karim yang ada sekarang ini. – P) Selepas itu Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sentiasa menunjukkan (membacakan) ayat Qur’an yang telah diturunkan itu kepada malaikat Jibril *‘alayhi al-salām*, dan pada akhir hayatnya (sebelum baginda wafat) keseluruhan Al-Qur’an Al-Karim telah dibacakan kepada malaikat Jibril dua kali, mengikut susunan ayat-ayat dan surah-surah yang tertulis di dalam al-Muṣḥaf al-Sharīf yang ada sekarang ini.

Satu hadith yang dikeluarkan oleh Al-Shaykhāni (al-Bukhari dan Muslim) dan An-Nasā’ī daripada Ibn Abbas *raḍiya Allāhu ‘anhumā* ia berkata: “Adalah malaikat Jibril pada tiap-tiap malam di sepanjang bulan Ramaḍān hingga

ke akhir bulan yang mulia itu menemui Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan baginda membacakan al-Qur’ān kepadanya”. Di dalam suatu hadith lain yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Abi Hurairah, bahawa beliau pernah membacakan al-Qur’ān keseluruhannya kepada Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* setahun sekali, dan dibacaknya kepada baginda dua kali pada tahun yang baginda menunaikan panggilan Ilahi ke alam Akhirat.” Dengan kedua-dua hadith tersebut teranglah dengan sejelas-jelasnya, bahawa susunan ayat-ayat (menurut tertib al-Muṣḥaf al-Uthmānī yang sekarang ini) adalah diakui sah.

Al-Qur’an al-Karim telah dihafaz oleh sebilangan besar daripada para Sahabat Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* yang mendengar ayat-ayat al-Qur’ān itu dibacakan kepada mereka – menurut susunannya yang ada tertulis di dalam kitab al-Qur’ān pada hari ini.

Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Shaykhāni (al-Bukhari dan Muslim), al-Tirmidhi, Abu Dawud

Fitnah Besar yang Wajib

daripada ‘Amru bin al-‘As ia berkata:

“Wahai Rasulullah! Dalam masa berapa lama hamba membaca

al-Qur’ān?” Sabda baginda: “Khatamkanlah dia dalam masa sebulan!” Kataku:

“Hamba mahu lebih baik dari itu”.

Sabda baginda: “Khatamkanlah dia dalam masa dua puluh hari!” Kataku:

“Hamba mahu lebih baik dari itu.”

Sabdanya: Khatamkanlah dia dalam masa sepuluh hari!” Kataku: “Hamba

mahu lebih baik dari itu.” Sabda

baginda: “Khatamkanlah dia dalam masa

lima hari!” Kataku: “Hamba mahu

lebih baik dari itu, maka tiadalah

membenarkan bagiku.” Di dalam sebuah

hadith yang diriwayatkan oleh an-Nasā’ī daripada Abdullah bin Umar yang menyokong makna hadith ini.

Diriwayatkan oleh al-Hakim daripada Abdullah bin Kostantin, bahawa ia telah membaca sekali khatam ke atas Abdullah bin Kathir – salah seorang Imam al-Qur’ān – Ia seorang Tābi‘īn, manakala sampai kepada “*Sūrah al-Duḥā*” ia berkata:

“Takbirlah sehingga engkau menamatkan bacaan, dan dikhabarkan kepadanya bahawa ia telah membacakan ke atas Ibn Abbas, maka disuruhnya yang demikian itu, dan Ibn Abbas mengkhabarkan kepadanya ia telah membacakan ke atas Nabi, maka disuruhnya yang demikian itu. Dan ia (Ibn Abbas) menegaskan bahawa al-Qur’ān pada zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi*

wa sallam ayat-ayat dan surah-surahnya tersusun sebagaimana yang tertulis di dalam al-Muṣḥaf al-Sharīf (yang ada sekarang ini).

Al-Baihaqi telah berkata: “al-Qur’ān pada zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, surah dan ayat-ayatnya tersusun atas susunan ini”.

Al-Baghawi pula berkata di dalam kitab “*Sharḥ al-Sunnah*”: “Bahawa para sahabat telah mengumpulkan al-Qur’ān dan mereka menulisnya seperti mana yang telah mereka dengar daripada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, mereka tidak mendahului dan mengkemudiankan apa yang mereka dengar itu, dan mereka tidak pula meletakkan sesuatu susunan yang tidak mereka ambil daripada Rasul Allah. Baginda membacakan al-Qur’ān kepada sahabat-sahabatnya dan mengajar mereka apa yang telah diturunkan kepadanya menurut tertib (susunan) yang ada sekarang di dalam Qur’ān, yang kita baca dengan *tuwaqīf* (ditentukan) oleh Jibril.”

Ibn al-Hasar berkata pula:

“Sesungguhnya tertib susunan surah-surah pada meletakkan ayat-ayat pada tempatnya adalah dengan perantaraan wahyu. Rasul Allah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda: “Letakkanlah ayat begini pada tempat ini!” Keyakinan telah didapati daripada hadith *mutawātir* berkenaan susunan ini adalah daripada bacaan Rasulullah yang telah dikumpulkan oleh para sahabat pada tempatnya seperti ini di dalam al-Muṣḥaf (al-Qur’ān).”

Para sahabat mula mengumpulkan al-Qur’ān adalah pada zaman Rasulullah masih hidup dengan ditulis di atas kepingan-kepingan kulit, kertas, batu putih dan pelepah-pelepah kurma. Suatu hadith yang dikeluarkan oleh Al-Shaykhāni dan Al-Tirmidhi daripada Anas *raḍīya Allāhu ‘anhu* mengatakan: “Al-Qur’ān telah dikumpulkan pada zaman Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* oleh empat orang para Sahabat, kesemua mereka itu daripada kaum Anṣār, yaitu Ubay bin Ka‘b, Mu‘adh bin Jabal,

Abu Zayd, dan Zayd ibn Thabit. Saya bertanya kepada Anas: ‘Siapakah Abu Zayd itu?’ Ia menjawab: ‘Salah seorang daripada paman (ayah saudara) saya’.” Begitu pula telah disahkan oleh beberapa hadith yang lain dengan mengatakan: “Bahawa selain daripada mereka (yang berempat) itu, banyak lagi para sahabat yang lain telah hafaz al-Qur’ān al-Karim, seperti Saiyidina Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Abdullah bin Mas‘ud, Salim, Ubay, Abu al-Darda’ dan lain-lain daripada golongan para sahabat.”

Dengan kepingan-kepingan kertas daripada hadith-hadith yang tersebut di atas ternyata telah dengan jelas bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* tidak dijemput menunaikan panggilan *al-Rafīq al-‘alā* melainkan setelah al-Qur’ān keseluruhannya tersimpan di dalam dada baginda sebagaimana yang tertulis di dalam al-Muṣḥaf al-Sharīf, seperti mana Qur’ān itu tertulis di dalam sebuah kitab dan kepingan-kepingan kertas yang bercerai-cerai, yang demikian itu disahkan oleh sebuah hadith Imam al-Bukhari dan lainnya daripada Zayd bin Thabit: “Sesungguhnya Abu Bakar *raḍīya Allāhu ‘anhu* telah mengutusnyanya ke medan perang *Ahl al-Yamāmah*, pada ketika itu Umar duduk di sampingnya, maka berkatalah Abu Bakar bahawa Umar telah datang kepadanya seraya berkata: ‘Bahawa pembunuhan telah berlaku dengan hebatnya pada hari peperangan *Ahl al-Yamāmah*, kebanyakan mereka yang terbunuh itu ialah para Sahabat yang hafaz Qur’ān. Aku berasa bimbang kalau pembunuhan seperti itu terus berlaku ke atas orang-orang yang hafaz Qur’ān di dalam tiap-tiap negeri, maka akan hilanglah sebahagian

Fitnah Besar yang Wajib

besar daripada para Sahabat yang hafaz Qur'an itu. Aku berpendapat hendaklah engkau memerintahkan supaya Qur'an itu dikumpulkan!' Maka berkata Abu Bakar: 'Aku berkata kepada Umar, bagaimana akan¹ melakukan sesuatu yang tak pernah dibuat oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*?'. Maka jawab Umar: 'Demi Allah! Ini ada kebaikannya'. Belum pun sempat ia bertanya saya dalam soal ini, sehingga Allah membukakan dada saya sebagaimana ia telah membukakan dada Umar, dan saya pun terus bersetuju dengan pendapat Umar." Berkata Zayd: 'Abu Bakar telah berkata kepada saya: Sesungguhnya engkau adalah seorang pemuda yang berakal, janganlah engkau berasa penat (bosan)! Dahulunya engkau pernah menulis wahyu yang diturunkan kepada Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, maka teruskanlah usahamu itu dan kumpulkanlah al-Qur'an!"... hingga ia berkata: Maka saya pun mengikuti al-Qur'an dan mengumpulkannya daripada kepingan-kepingan kertas, kulit, batu putih, pelepah kruma² dan dada manusia ...! (yang hafaz Qur'an). Ada pun Qur'an yang telah dikumpulkan pada zaman Saiyidina Abu Bakar menjadi khalifah itu ada tersimpan di tangan beliau sehingga beliau meninggal dunia, kemudian disimpan oleh Saiyidina Umar ibn al-Khattab. Setelah beliau meninggal dunia, Qur'an itu disimpan oleh Saiyidatina Hafsa binti Umar. (Hingga di zaman Uthman menjadi Khalifah al-Muslimin, sewaktu beliau akan mengumpulkan al-Qur'an itu dijadikan sebuah kitab, Qur'an itu dipinjamnya, setelah Qur'an yang beliau himpulkan itu

selesai disusunnya, maka naskah asal Qur'an itu dikembalikannya semula kepada Saiyidatina Hafsa – P).

Tegasnya hadith ini dan lain-lain hadith sahih, adalah menunjukkan bahawa Saiyidina Abu Bakar sendiri telah memerintahkan supaya Qur'an itu dikumpulkan, ini sudah tentulah (surah-surah dan ayat-ayat) Qur'an yang telah dikumpulkannya itu tersusun menurut susunan yang ada sekarang, Cuma pada masa itu (zaman Saiyidina Abu Bakar menjadi khalifah) Qur'an belum lagi dihimpunkan menjadi sebuah kitab. Di antara para Sahabat yang bekerja keras mengumpulkan ayat-ayat Qur'an di zaman itu daripada para *Huffāz* (orang-orang yang hafaz Qur'an) dan daripada potongan-potongan kertas, batu, pelepah, kruma³ yang ditulis orang sejak dari zaman Rasulullah masih hidup, ialah Zayd bin Thabit. Sewaktu sesuatu ayat Qur'an itu hendak ditulis maka Rasulullah memanggil dua orang sahabat untuk menjadi saksi sebagai mengesahkan bahawa apa yang ditulis itu adalah benar.

Ada pun yang dilakukan oleh Saiyidina Uthman ialah menghimpunkan (surah-surah dan ayat-ayat) Qur'an yang ada tersimpan di tangan Saiyidatina Hafsa, dijadikan beberapa buah kitab. Dan Qur'an-Qur'an yang telah dihimpunkan berupa kitab itu lantas dikirimkan ke merata negeri yang⁴ di bawah takluk kerajaan Islam di zaman itu, dan memerintahkan yang lainnya supaya dibakar, sebagaimana yang diterangkan di dalam hadith al-Bukhari dan al-Tirmidhi.

Kalau begitu, nyatalah bahawa (surah-surah dan ayat-ayat) al-Qur'an yang tertulis di dalam al-Muṣḥaf al-Sharīfah – yang ada

sekarang ini – adalah susunan yang dilakukan dari sejak zaman Rasul Allah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, zaman Saiyidina Abu Bakar, Saiyidina Umar dan Saiyidina Uthman *radīya Allāhu 'anhum*, tidaklah harus ditukar ganti lagi, meskipun oleh beberapa sebab yang memaksa. Ini tidaklah terlarang seseorang ahli bahas itu membahas secara ilmiah dan mengemukakan di dalam bahasannya itu cara-cara tertib sesuatu surah atau sesuatu ayat Qur'an itu diturunkan, dengan maksud supaya suatu hasil ilmiah dapat diciptakan, atau pun mengemukakan suatu bahath ilmiah untuk diperbincangkan.

Ada pun menerbitkan sebuah Qur'an lengkap yang menyalahi susunan tertib sebagaimana yang didapati di dalam Qur'an yang terkenal sekarang ini, adalah suatu perbuatan yang menyalahi perkara yang pernah dilakukan di zaman Rasul *'alayhi al-ṣalātu wa al-salām* dan para Sahabatnya serta dipersetujui pula oleh semua golongan kaum Muslimin yang terdiri dari apa mazhab jua pun. Maka yang demikian itu tidaklah diharuskan bagi sesorang Muslim melakukannya, kerana ia adalah dianggap melakukan penentangan terhadap kitab Allah dengan sebab mengubah dan meminda (susunan surah dan ayat-ayat yang telah ditentukan penyusunannya oleh Allah dan rasul-Nya dengan jalan *tuwaqīf* – P) dan perbuatan ini juga bererti mencabar perjanjian Allah untuk memeliharanya sebagaimana firman-Nya yang berbunyi: **"Innā nahnu nazzabū al-dhikra wa 'innā lahū lahāfiḡāna"**. Yang bererti: "Bahawa sesungguhnya Kami

¹ Perkataan sebenarnya adalah aku.

² Perkataan sebenarnya adalah kurma.

³ Perkataan sebenarnya adalah kurma.

⁴ Pengulangan perkataan yang.

Fitnah Besar yang Wajib

yang telah menurunkan al-Qur’ān dan Kamilah yang menjaganya dengan baik.”

Al-Qur’ān al-Karim adalah sebuah kitab suci yang mempunyai keistimewaan di antara kitab-kitab suci yang diturunkan dari langit dengan keaslian nas-nasnya dan keabadian tertib susunannya dari sejak zaman Nabi *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* hingga ke zaman kita ini. Langkah yang sebegitu berani mengadakan perubahan (di atas susunan asal surah-surah dan ayat sebagaimana yang didapati di dalam al-Qur’ān dari sejak zaman Nabi hingga ke hari ini – P) itu tidaklah harus didiamkan dengan begitu sahaja, ia wajib ditegah dan ditentang dengan sekeras-kerasnya, lantaran perbuatan itu adalah membawa kepada binasa dan tercemarnya undang-undang kaum Muslimin itu.

Riwayat “*as-ṣaḥāḥī*” menerangkan kepada kita bahawa utusan kepada Saiyidina Uthman untuk menyerahkan naskhah Qur’ān yang tersimpan di tangan Saiyidatina Hafsa, ia diingatkan daripada terjadinya perselisihan kaum Muslimin di dalam cara-cara pembacaan al-Qur’ān, maka para Sahabat pun segera menemuinya meminta kepadanya supaya menerangkan kepada kaum Muslimin tentang hal itu, sehingga tidak akan berlaku perselisihan di antara orang-orang Islam mengenai kitab suci mereka, sebagaimana perselisihan-perselisihan yang telah terjadi ke atas orang-orang Kristian dan Yahudi, (mengenai kitab Injil dan Taurat – P).


Oleh yang demikian itu saya berharap kepada sekalian para alim-ulama dan kerajaan-kerajaan Islam di seluruh negeri dan benua di seantero alam dengan seberapa daya dan dengan apa jalan jua menentang dan mencegah supaya fitnah yang besar ini tidak akan menjalar ke seluruh dunia Islam. *Wa Allāhu wa li al-tawfiq.*

As-Shaykh Abdul Hamid al-Saeh

Menteri Waqaf dan Kesucian Islam

Jordan

(Terjemahan dari: **Majalah al-Waie al-Islami**) bilangan (42) – keluaran bulan Jamādī al-Thānīah 1388 H.



Pusara Diraja di Kota Marrakesh. Di pusara inilah dikuburkan raja-raka dari keturunan Dawlah Sa’adīyah¹. Pusara ini adalah di antara kesan-kesan purbakala di negeri Morocco.

¹ Merujuk kepada Dinasti Saadi.